

**BUTIRAN TAWARAN :**

**SEBUTHARGA CADANGAN MENAIKTARAF PASAR KUALA PERLIS, PERLIS UNTUK  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS (MPK.Ps. SULIT 238)**

**LOKASI :**

**PASAR KUALA PERLIS, PERLIS**  
**6°24'14.74" N 100°08'06.19"**

**KOMPONEN / SKOP KERJA :**

**1. KERJA AWALAN**

Kerja-kerja awalan melibatkan penyediaan insurans,pemasangan pagar (*Hoarding*), pemasangan Papan Tanda Projek dan papan tanda ‘**UTAMAKAN KESELAMATAN**’ serta pembersihan tapak.

**2. STRUKTUR BANGUNAN**

- Kerja-kerja meroboh, memecah dan membawa keluar binaan meja jualan sediaada binaan pagar dan pintu pagar,dinding bata,’awning’ serta jubin lantai sediaada.
- Kerja-kerja menanggal bumbung sediaada serta memasang semula kepingan bumbung baharu dari jenis ‘**ASTINO HIB RIB 30 (LONG RUN)**’ termasuk pemasangan ‘Ridge Capping’ dan ‘Flashing’ serta alatan pemasangan yang setaraf dan kerja-kerja berkaitan.
- Pemasangan **FAÇADE** daripada bahan 86mm ‘**Aluminium Blinds & Louvers**’
- Kerja-kerja menaiktaraf longkang kawasan luaran dan dalaman.
- Kerja-kerja membekal dan memasang 12 meja jualan ikan, 8 meja jualan ayam, 4 meja jualan daging dan 8 meja jualan sayur dari jenis ‘**Stainless Steel**’ serta alatan-alatan kegunaan dan alatan pemasangan kunci.
- Kerja pemasangan Jubin Homogeneous 600mm x 300mm pada keseluruhan binaan lantai baharu termasuk binaan dinding pemisah serta kawasan binaan yang terlibat.
- Pemasangan dan bekalan air baharu melibatkan kerja :
  - i. Pemasangan ‘Fusion Bonded Epoxy Coated Bulk Meter Position
  - ii. Pemasangan seunit ‘Water Storage Tank’ berkapasiti 9000 liter
  - iii. Pemasangan seunit ‘Water Supplier Tank’ berkapasiti 18000 liter.
  - iv. Pembinaan seunit ‘Tower Tank, berketinggian 12 meter berserta pemasangan paip bekalan ke setiap lot niaga.
- Kerja mengecat keseluruhan struktur binaan sediaada di tapak.
- Pembinaan 5 unit gerai di dalam pasar sediaada (Gerai borong sayur)
- Pembinaan 4 unit gerai di luar kawasan pasar sediaada untuk dijadikan tempat pusat penyembelihan ayam.

- Kerja-kerja membekal,memasang serta menguji lampu T8 LED pada keseluruhan bangunan pasar.
- Kerja-kerja membekal dan memasang Mata soket Alur keluar 13A.
- Kerja-kerja membekal,memasang serta menguji Kipas Ayun Siling 400mm (16")
- Kerja-kerja memasang Peti Agihan 6 Hala terlitup PVC kutub tunggal, pemutus litar kecil (MCCB) berkadarana 32A.
- Kerja-kerja pemasangan Lampu Limpah LED 200W termasuk pemasangan tiang G.I berketinggian 8 meter
- Kerja-kerja pemasangan Lampu Limpah LED 35W

### 3. GAMBAR TAPAK

